

APB Rembau e-Bulletin

e-ISSN: 2682-776X

Edition: 11/2023

EDITORIAL BOARD

PATRON

Prof. Dr. Yamin Yasin

COORDINATOR

Nur Faathinah Mohammad Roshdan

CHIEF EDITOR

Assoc. Prof. Dr. Soo Kum Yoke, Carolyn

EDITORIAL COMMITTEE

Ooi Sing Ee

Khairon Nisa Shafeei

Shahrul Muhazad Shahrudin

October 2022 - February 2023

USAHAWAN INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA (IKS) PERLU MANFAATKAN PLATFORM DIGITAL BAGI PASARAN PRODUK

Ditulis oleh: Muhammad Nabihan Abu Bakar & Shahril Anuar Abdul Ghalim

Bidang keusahawanan telah lama wujud sebagai salah satu bidang pekerjaan dan menjadi keutamaan dalam pelbagai dasar kerajaan. Kerajaan telah mengiktiraf dan menekankan kepentingan keusahawanan sebagai pilihan kerjaya selama bertahun-tahun. Ini kerana Kementerian Pembangunan Keusahawanan (KPU) diwujudkan pada tahun 1995 untuk membantu mempromosikan keusahawanan dalam kalangan pelajar sekolah, universiti serta masyarakat umum.

Sektor usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) menjadi salah satu platform untuk kembali melonjakkan ekonomi negara terutamanya selepas pandemik sekaligus melahirkan lebih ramai lagi usahawan muda yang berjaya. IKS merupakan penyumbang terbesar kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KNDK) sebanyak 38.2 peratus atau RM512.8 bilion pada 2020. Justeru, IKS boleh dikatakan boleh menjadi penyumbang terbesar ekonomi negara. Di dalam era kemodenan kini, usahawan perlu memanfaatkan medium digital bagi memasarkan produk mereka secara besar-

besaran. Usahawan perlu bijak untuk merebut peluang menguasai platform digital pada sebagai salah satu cara strategi pemasaran yang berkesan. Antara medium media sosial yang boleh digunakan ialah Facebook, Instagram, Twitter dan TikTok dan sebagainya.

Media sosial merupakan salah satu medium pemasaran terbaik yang perlu digunakan bagi membantu jualan bagi usahawan IKS di Malaysia. Medium ini mampu mengecilkan serta menutup jurang di antara strategi yang telah dirancang dan strategi yang bakal dilaksanakan kelak. Pembinaan laman bisnes yang menarik adalah salah satu cara usahawan IKS perlu dititikberatkan kerana melalui medium ini akan memperkenalkan latar belakang syarikat bagi memasuki komuniti pengguna Internet.

Antara perkara yang perlu dinilai ialah maklumat asas sesebuah syarikat, logo dan tujuan syarikat perlu jelas dinyatakan. Maklumat ini akan membantu pengguna mendapatkan maklumat yang tepat mengenai fungsi perniagaan yang dijalankan. Usahawan perlu membuatkan *visibility* mereka kepada komuniti setempat bagi menjayakan usaha ini. Pelbagai agensi kerajaan dan swasta di Malaysia yang boleh membantu usahawan bagi merealisasikan impian antara contoh domain terbaik adalah melalui domain .MY yang dikendalikan oleh

MYNIC mempunyai banyak kelebihan yang boleh terokai.

Usahawan IKS juga perlu bijak menganalisa sikap pelanggan menerusi aplikasi media sosial yang digunakan. Situasi ini termasuklah trend pembelian pengguna Internet. Analisa ini termasuklah bagaimana sikap pelanggan atau respon terhadap kandungan maklumat di dalam media sosial seperti menekan butang *like*, *komen*, *share* di laman media sosial seperti Facebook. Usahawan IKS juga perlu sentiasa memikirkan kandungan maklumat ataupun *content* yang terbaik mengenai produk atau servis yang ditawarkan. Sebagai contoh pemasaran menerusi aplikasi TikTok yang sangat laju dari segi pemasarannya merupakan salah satu cara yang perlu dimanfaatkan. Aplikasi TikTok menjadi pilihan Generasi Z di mana aplikasi tersebut sangat menarik dari segi kandungan video yang boleh dimuatnaik.

Sesebuah laman sosial bagi memasarkan produk dan servis perlu menarik lebih ramai pelanggan ataupun pengguna Internet untuk mengunjungi laman tersebut. Seorang usahawan perlu memikirkan dan memasukkan elemen promosi yang terbaik seperti pengiklanan secara viral, kandungan tepat dan menarik, kunjungan pelanggan secara virtual ataupun kedai fizikal dan maklum balas pelanggan yang telah menggunakan servis ataupun

produk usahawan IKS perlu diketengahkan bagi membina rasa percaya dalam kalangan pelanggan akan datang.

Kesimpulannya, pelbagai kaedah boleh dilakukan dan dirancang bagi memajukan lagi sektor perniagaan usahawan IKS di Malaysia. IKS juga secara tidak langsung boleh menambahkan lagi kemajuan serta menyediakan peluang pekerjaan kepada orang lain. Setiap pengusaha IKS perlu berani melakukan pembaharuan dan menjadikan produk mereka multinasional dan berdaya saing di peringkat global.

